

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 Jld. 4 (2)

19 Disember 2024
17 Jamadilakhir 1446

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 50/2024

PERUBAHAN CUTI HUJUNG MINGGU DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA JOHOR BAHRU DAN PAGOH

Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 23/2024 pada 18 Disember 2024 telah meluluskan pemakaian Surat Edaran dari Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor mengenai Perubahan Cuti Hujung Minggu Negeri Johor bertarikh 11 Disember 2024 dengan nombor rujukan SUKJ. BPSM.600-11/25/8 Jilid 2 (18).

2. Perubahan waktu bekerja yang akan berkuat kuasa ini akan memberi kesan kepada **perubahan cuti hujung minggu bagi kampus Universiti Teknologi Malaysia di Johor Bahru dan Pagoh yang diselaraskan daripada hari Jumaat dan Sabtu kepada hari Sabtu dan Ahad**. Selaras dengan itu, hari bekerja pada minggu terakhir Disember 2024 adalah sebanyak enam (6) hari iaitu bermula 29 Disember 2024 (Ahad) hingga 3 Januari 2025 (Jumaat). Universiti juga bersetuju menerima pakai **Hari Kelepasan Am pada 6 Januari 2025 (Isnin)** bagi mengimbangkan bilangan hari bekerja dalam tempoh transisi ini.

3. Dengan berkuatkuasanya perubahan ini juga, semua staf Universiti Teknologi Malaysia kampus Johor Bahru dan Pagoh adalah tertakluk dengan penetapan aturan pakaian seperti di Lampiran. Tarikh kuat kuasa perubahan ini adalah mulai **1 Januari 2025**. Sehubungan dengan itu, semua staf adalah diminta untuk mengambil maklum mengenai perubahan ini.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)
Pendaftar

- s.k. -
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah, UTM Kampus Pagoh
 - Pegawai-pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah

**PELAKSANAAN PERUBAHAN CUTI Hujung Minggu
DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA JOHOR BAHRU DAN PAGOH**

1. Waktu Bekerja Baharu Bagi Staf di Universiti Teknologi Malaysia Johor Bahru dan Pagoh

- (i) Waktu bekerja bagi UTM Johor Bahru dan UTM Pagoh adalah diselaraskan seperti berikut:

Jadual 1: Waktu Bekerja Fleksibel mulai 1 Januari 2025

Hari	Waktu Bekerja Fleksibel	Waktu Rehat	Tempoh Kerja
Isnin - Khamis	7:30 pagi – 9:00 pagi (Waktu masuk) hingga 4:30 petang – 6:00 petang (Tempoh Waktu Pulang) (Dengan memenuhi tempoh waktu bekerja sehari)	1:00 petang – 2:00 petang (1 jam)	9 jam sehari (termasuk waktu rehat)
Jumaat	7:30 pagi – 9:00 pagi (Waktu masuk) hingga 4:30 petang – 6:00 petang (Tempoh Waktu Pulang) (Dengan memenuhi tempoh waktu bekerja sehari)	12:15 tengah hari – 2:45 petang (2 jam 30 minit)	9 jam sehari (termasuk waktu rehat)

- (ii) Manakala bagi waktu bekerja fleksibel bulan Ramadhan pula adalah seperti Jadual 2 berikut:

Jadual 2: Waktu Bekerja Fleksibel Ramadhan mulai 1 Januari 2025

Hari	Waktu Bekerja Fleksibel	Waktu Rehat	Tempoh Kerja
Isnin - Khamis	7:30 pagi – 9:00 pagi (Waktu masuk) hingga 4:00 petang – 5:30 petang (Tempoh Waktu Pulang) (Dengan memenuhi tempoh waktu bekerja sehari)	1:00 petang – 1:30 petang (30 minit)	8 jam 30 minit sehari (termasuk waktu rehat)

Jumaat	7:30 pagi – 9:00 pagi (Waktu masuk) hingga 4:00 petang – 5:30 petang (Tempoh Waktu Pulang) (Dengan memenuhi tempoh waktu bekerja sehari)	12:30 tengah hari – 2:30 petang (2 jam)	8 jam 30 minit sehari (termasuk waktu rehat)
--------	---	--	---

2. Pindaan Warta Hari Kelepas Am Negeri Johor Tahun 2025

- (i) Pindaan warta sepertimana berikut:

“Apabila Hari Kelepasan jatuh pada Hari Kelepasan Mingguan (Ahad) atau Hari Kelepasan yang lain, maka hari tersebut digantikan dengan hari bekerja berikutnya dan jika hari yang berikutnya itu pula merupakan Hari Kelepasan, maka hari berikutnya dijadikan Hari Kelepasan. Jika Hari Kelepasan Am jatuh pada hari Sabtu ianya tidak digantikan dengan hari berikutnya”.

3. Hari Kelepas Am pada Isnin (6 Januari 2025)

- (i) Hari bekerja minggu akhir Disember 2024 dan minggu pertama Januari 2025 adalah sebanyak enam (6) hari iaitu bermula 29 Disember 2024 (Ahad) hingga 3 Januari 2025 (Jumaat).
- (ii) Sehubungan itu, Universiti bersetuju dengan cadangan Kerajaan Negeri agar satu (1) Hari Kelepasan Am sempena cuti transisi kerana peralihan minggu tersebut ditetapkan pada hari Isnin (6 Januari 2025) untuk menyeimbangkan semula bilangan hari bekerja pada minggu tersebut. Pemberian cuti ini adalah sebagaimana Seksyen 9(1); Hari Kelepasan Am Negeri dan Wilayah Persekutuan merujuk Akta Hari Kelepasan Am.

4. Penetapan Pakaian Penjawat Awam

- (i) Universiti juga bersetuju untuk menerima pakai penetapan aturan pakaian penjawat awam seperti berikut:

Jadual 3: Aturan Pakaian Penjawat Awam Negeri Johor

Hari	Pakaian Lelaki	Pakaian Wanita
Isnin	Baju Korporat	Baju Korporat
Selasa	Pakaian Pejabat	Baju Kurung Johor dan Bertudung (Islam)
Rabu		Sopan/ Baju Kurung Johor/ Pakaian Hormat Kebangsaan masing-masing (Bukan Islam)

Khamis	Baju Batik Lengan Panjang	Baju Kurung Johor Bercorak Batik dan Bertudung (Islam) Baju Kurung Johor Bercorak Batik (Bukan Islam)
Jumaat	Baju Melayu Teluk Belanga (Sepersalinan), Bersamping Berdagang Luar, Bersongkok dan Bersepatu (Islam) Pakaian Pejabat (Bukan Islam)	Baju Kurung Johor dan Bertudung (Islam) Sopan/ Baju Kurung Johor/ Pakaian Hormat Kebangsaan masing-masing (Bukan Islam)

- (ii) Tatacara pemakaian baju batik adalah merujuk kepada Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2006.
- (iii) Aturan pakaian ini tidak terpakai kepada staf yang dibekalkan pakaian seragam, staf yang menghadiri acara rasmi atau yang menghadiri istiadat atau majlis rasmi yang telah ditetapkan pakaian mengikut jenisnya. Pengecualian juga kepada staf yang sedang menerima rawatan atau diberi nasihat oleh doctor perubatan Kerajaan berhubung pakaian yang sesuai untuk ke tempat bertugas.

5. Tarikh kuatkuasa pelaksanaan ini adalah mulai 1 Januari 2025.